

# Menteri: PM sedia lantik wakil MCA

KUALA LUMPUR, Khamis — (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedia menimbang untuk melantik seorang lagi wakil MCA sebagai Menteri dalam kabinetnya.

Bercakap kepada pemberita selepas merampungkan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di kediamannya di Seri Perdana malam tadi, Perdana Menteri berkata: "Seperti dimaklumkan Kabinet mempunyai satu jawatan Menteri yang masih boleh diisi dan jika MCA menentukan calonnya, saya sedia menimbangkannya."

Dalam susunan Kabinet baru-baru ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipegang untuk sementara oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Difahamkan Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan, akan dilantik memegang jawatan itu. Bagaimanapun, Encik Tan meletakkan jawatannya sebagai presiden parti berikutan hukuman penjara yang dijatuhkan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi Singapura.

Sebelum ini, jawatan Menteri di kementerian itu dipegang oleh Datuk Chan Siang Sun, sekarang menjadi Menteri Kesihatan. Dalam susunan baru Kabinet itu, MCA mendapat tiga jawatan Menteri, berbanding empat sebelum ini.

Perdana Menteri juga berkata, Umno mematuhi undang-undang negara dan masih menganggap Encik Tan sebagai Ahli Parlimen Gopeng.

Mengenai bakal pengganti Encik Tan, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata Umno menyerahkan soal perlantikan pemangku presiden MCA kepada ahli-ahli dan pemimpin parti itu sendiri.